

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

TEMPAT: JALAN BUKIT BINTANG, KUALA LUMPUR

TARIKH: 31 OCT 1985

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan Puan-puan.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita hadir di Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan Lembaga Tabung Angkatan Tentera pada petang ini. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Lembaga Tabung ini yang telah menjemput saya ke Majlis ini.

2. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Tabung kerana telah berjaya mendirikan bangunan yang sungguh indah ini. Bangunan ini bukan sahaja dapat memberikan ruang pejabat yang selesa bagi kakitangan Tabung tetapi juga dapat memberikan hasil yang tetap dalam bentuk sewaan ruang pejabat kepada pencharum-pencharumnya. Saya difahamkan semua ruang pejabat bangunan ini telahpun dapat disewakan.

3. Pengerusi Lembaga Tabung Angkatan Tentera sebentar tadi menyebut bahawa Bangunan LTAT yang indah ini telah direka-bentuk berdasarkan tiga patah perkataan iaitu functional, practical and economical'. Saya rasa tiga patah perkataan seperti yang disebutkan itu adalah tepat dan sesuai diamalkan bukan sahaja dalam merancang dan membina bangunan-bangunan tinggi tetapi juga untuk semua jenis pekerjaan yang dilakukan, baik untuk pentadbiran dan pengurusan mahupun untuk kegiatan-kegiatan ekonomi dan perniagaan.

4. Selaku Menteri Pertahanan saya mengikuti dengan rapi perkembangan dan kemajuan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dalam usahanya untuk mempertingkatkan sumbangan dan khidmatnya kepada anggota-anggota Angkatan Tentera yang menjadi pencharum-pencharumnya.

5. Saya berasa gembira dengan rancangan-rancangan Tabung untuk mempelbagaikan kegiatan-kegiatan pelaburannya seperti menanam modal dalam pembinaan bangunan ini, sebagai satu cara untuk melindungi nilai duit pencharum-pencharumnya daripada menurun akibat kemelesetan ekonomi. Melalui perancangan yang teliti dan perlaksanaan program-program secara teratur dan kemas, pihak pentadbiran Tabung telah berjaya mencatatkan prestasi yang baik dari setahun ke setahun dan menambahkan faedah dan berbagai kemudahan kepada

pelabur-pelaburnya. Saya berharap usaha-usaha ini dapat ditingkatkan lagi. Di samping itu pula, amalan sikap bersih, cekap dan amanah hendaklah dikekalkan oleh pihak Tabung dan saya berharap kepercayaan yang telah diberikan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab itu tidak akan diabaikan.

Tuan-tuan dan puan-puan.

6. Wakil-wakil Tabung yang dilantik sebagai pengarah syarikat-syarikat di mana Tabung memiliki equiti atau wang pelaburan, telah banyak menyumbangkan masa dan tenaga untuk memastikan syarikat-syarikat yang berkenaan dapat menghasilkan keuntungan di dalam bentuk dividen yang tinggi kepada Tabung. Mereka telah dilantik kerana dipercayai boleh memelihara kepentingan Tabung dan menyumbang ke arah kemajuan operasi dan syarikat berpandukan kepada pengalaman dan pengetahuan mereka di dalam bidang-bidang tertentu.

7. Saya berharap kerjasama yang lebih rapi akan dapat diadakan di antara wakil-wakil Tabung ini dengan pihak pengurusan Tabung supaya terjalin persefahaman bukan sahaja daripada segi strategi bahkan juga dalam jurusan dasar pelaburan Tabung. Tujuan muktamad ialah supaya pihak Tabung dapat memelihara kepentingan pencarum-pencarum khususnya dan Tabung Angkatan Tentera amnya.

8. Kepada pencarum-pencarum pula, saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada saudara-saudara supaya menghargai tujuan utama Tabung ini ditubuhkan. Tabung ini sebenarnya ditubuhkan untuk mewujudkan satu sekim persaraan dan simpanan khusus untuk perajurit-perajurit dan pegawai-pegawai Angkatan Tentera dan merupakan satu alternatif kepada sekim persaraan biasa. Tidak seperti syarikat-syarikat kerjasama, koperasi atau bank perdagangan dan simpanan, wang caruman yang disimpan di Tabung ini tidak boleh dikeluarkan dengan sewenang-wenangnya ataupun pada bila-bila masa sahaja. Sebaliknya, ia adalah simpanan jangka panjang yang memberi faedah yang stabil dan terjamin kepada pencarum-pencarum.

9. Di bawah sekim ini anggota-anggota Angkatan Tentera dikehendaki membuat sejumlah caruman kepada Tabung sebagai satu persiapan untuk membantu mereka mengatasi masalah kewangan apabila mereka bersara daripada berkhidmat dengan angkatan tentera kelak. Kepada caruman yang dibuat itu, Kerajaan menyumbangkan sejumlah lagi dan ini dikreditkan kepada akaun mereka pada tiap-tiap bulan. Saya percaya apabila anggota Angkatan Tentera meninggalkan Perkhidmatan Angkatan Tentera, jumlah wang caruman yang dikreditkan di atas nama mereka dalam Tabung akan membolehkan mereka membuat persediaan untuk menceburi lapangan baru dalam kehidupan awam.

Tuan-tuan dan puan-puan.

10. Saya difahamkan bahawa Lembaga Tabung Angkatan Tentera

akan mengadakan berbagai skim dan kegiatan baru bagi menambahkan faedah-faedah kepada pencarum-pencarumnya. Umpamanya, Tabung telah menubuhkan dua buah Perbadanan untuk menambah faedah-faedah yang dapat diberikan bukan sahaja kepada pencarum-pencarumnya bahkan juga kepada semua anggota Angkatan Tentera Malaysia. Perbadanan yang pertama ditubuhkan ialah Perbadanan Perwira Niaga Malaysia, ringkasnya PERNAMA. PERNAMA ditubuhkan untuk mengambil-alih operasi NAAFI di Malaysia dan memberikan perkhidmatan menjual barang-barang keperluan pengguna kepada anggota-anggota Angkatan Tentera dan keluarga mereka dengan harga yang berpatutan. Perbadanan kedua yang ditubuhkan pula ialah Perbadanan Perwira Harta Malaysia yang berfungsi, antara lain, untuk membantu membina rumah-rumah kediaman untuk kakitangan Kementerian Pertahanan dan membina rumah-rumah kos rendah dan sederhana supaya dapat dijual balik kepada pencarum-pencarum Tabung dengan harga yang berpatutan. Di samping itu juga, Tabung dengan bantuan aktuari Kerajaan sedang membuat kajian mendalam untuk menentukan sama ada pencarum-pencarumnya boleh mengeluarkan sebahagian daripada wang mereka untuk tujuan membeli rumah.

Tuan-tuan dan puan-puan.

11. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengumumkan satu lagi sekim Tabung yang bertujuan untuk menambahkan faedah yang diberikan oleh Tabung kepada pencarum-pencarumnya. Sekim ini diberi nama Sekim Kematian dan Hilang-upaya. Di bawah sekim ini setiap pencarum yang mencarum kepada Tabung, sama ada pencarum wajib atau pencarum sukarela, adalah dengan otomatis menerima satu lagi faedah tanpa apa-apa bayaran tambahan. Faedah ini merupakan sejumlah bayaran yang akan dibuat kepada waris pencarum jika pencarum meninggal dunia semasa berkhidmat dengan Angkatan Tentera atau kepada pencarum sendiri jika beliau diberhentikan daripada Perkhidmatan Angkatan Tentera atas sebab-sebab hilang-upaya atau akal.

12. Bayaran ke atas Sekim Faedah Kematian dan Hilang-upaya ini tidaklah menjejaskan jumlah caruman dan keuntungan seseorang pencarum yang sedia tersimpan dalam Tabung Angkatan Tentera. Malahan bayaran daripada sekim ini adalah bayaran tambahan kepada waris atau pencarum yang kurang bernasib baik di samping bayaran caruman serta keuntungan yang sedia tersimpan. Sekim Faedah Kematian dan Hilang-upaya ini akan dikendalikan daripada sejumlah kumpulan wang yang diperuntukkan daripada keuntungan pelaburan Tabung setiap tahun. Sekim ini akan berkuatkuasa mulai esok lhb. November, 1985.

13. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera kerana menjemput saya ke Majlis ini. Dengan ini saya dengan sukacitanya membuka Bangunan Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum

warahmatullahi wabarakatuh.